

15/02/2001

Koir patriotisme bakal cipta rekod

KUALA LUMPUR, Rabu - Persembahkan Koir Patriotisme sempena Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM) pada 18 Februari ini, akan mencipta sejarah apabila ia disenaraikan dalam Malaysian Book of Records.

Lebih 2,000 peserta terdiri daripada pelajar dari 25 sekolah sekitar Lembah Klang dan pelatih dari Institut Bahasa Melayu Malaysia, Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa dan Maktab Perguruan Islam Bangi akan menjayakan persembahan berkenaan.

Persembahan koir itu adalah di bawah pimpinan Pensyarah Muzik Institut Bahasa Melayu Malaysia, Noriza Sulaiman.

Perhimpunan yang akan diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam itu dijangka dihadiri 10,000 orang termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan menyampaikan ucapan dasarnya.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Pelajar MBM, Mohd Po'ad Jelani berkata, pihaknya berharap persembahan koir itu dapat mencipta rekod baru bagi kategori Persembahan Koir Patriotisme Teramai.

Rekod bagi Persembahan Koir Patriotisme Teramai kini dipegang oleh kumpulan koir gabungan tiga sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Pengkalan TLDM, SK TLDM 11 dan SK Dato Ishak, Telok Murok, Lumut, membabitkan 1,200 pelajar.

"Kumpulan koir kali ini akan menyanyikan lagu berunsur patriotik bagi membangkitkan semangat patriotisme di kalangan peserta perhimpunan, terutama pelajar serta belia.

"Kita memilih tiga lagu patriotik termasuk lagu Negaraku, Keranamu Malaysia serta Belia Malaysia untuk persembahan itu," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, di Pusat Belia Antarabangsa dekat sini, hari ini.

Mohd Po'ad berkata, pemilihan lagu berunsur patriotik itu memang tepat kerana lagu berkenaan mempunyai maksud yang mendalam bagi memupuk perasaan cinta kepada negara serta menghargai keharmonian yang dikecapi kini.

(END)